Mesyuarat Senat UKM yang ke-329 pada 21 Mac 2007 telah meluluskan penubuhan Institut Islam Hadhari (HADHARI), Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada 10 Mei 2007 keputusan Senat ini telah dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menubuhkan sebuah Institut Penyelidikan yang memfokuskan bidang Peradaban Islam yang bersifat pelbagai disiplin. Sehubungan itu, pada tanggal tersebut Institut Islam Hadhari UKM telah memulakan kegiatan sebagai salah sebuah Institut penyelidikan di Universiti ini.

HADHARI menumpukan kepada aktiviti penyelidikan yang bersifat multidisiplin dalam memfokuskan kepada 4 bidang tujuan iaitu:

- a. Politik dan Kepimpinan
- b. Sosio Budaya
- c. Pengurusan, Ekonomi dan Perniagaan
- d. Sains & Teknologi dan Alam Sekitar & Kesihatan

VISI INSTITUT

Institut bertekad untuk menjadi pusat kecemerlangan muktabar dalam pembangunan peradaban Islam sejagat.

MISI INSTITUT

Menerajui pendekatan peradaban Islam melalui kegiatan ilmiah

MATLAMAT INSTITUT

1. Menjadi Institut penyelidikan dalam memperkasakan pendekatan peradaban Islam.
2. Menjadi pusat rujukan, pangkalan data dan pendidikan bagi melahirkan sarjana penyelidik.
3. Menjadi wadah penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan peradaban dan ummah.
4. Mewujudkan jaringan ilmiah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam kalangan cendekiawan peradaban Islam.
5. Membudayakan pendekatan penyelidikan dalam kalangan cendekiawan Islam dalam menyediakan asas yang kukuh terhadap perkembangan ilmu serta peradaban Islam.

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Intitut Islam Hadhari menawarkan program secara sepenuh masa atau separuh masa dalam pengajian berikut dalam bentuk tesis (penyelidikan) seperti berikut:

- Sarjana Peradaban Islam
- Doktor Falsafah

STAF AKADEMIK

Profesor

Prof. Dr. Khairul Anwar @ Johari Mastor

SmSn(Kep.) (UKMalaysia), MAEd (George Washington, USA), Dip. Peng. Islam (UKMalaysia), Ph.D (New South Wales, Australia)

Prof. Dr. Latifah Amin

BSc(Hons) (Malaya), SSn, Ph.D (UKMalaysia)

Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham

Sm.PI. (Kep.), S.P.I (UKMalaysia), Ph.D (Malaya)

Prof. Dr. Aisyah Abdul Rahman

BSc(Lehigh Univ. Bethlehem), MBA(UKM), Ph.D(UIAM)

Prof. Dr. Faizal K.P. Kunchi Mohamed

SmSn (UKMaaysia), PhD. (Exeter)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Aminudin Basir @ Ahmad

BA, MA(Faisalabad, Pakistan), Ph.D (USM)

Prof. Madya Dr. Roziah Sidik @ Mat Sidek

SmP.I (Kep) (UKMalaysia)., Dip Pend (UKMalaysia)., M. Litt. (Edinburgh).,Ph.D (UMalaya)

Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat @ Kawangit

B.A Usul (Hons.) (Malaya), S.P.I. (UKMalaysia), Ph.D (Wales)

Prof. Madya Dr. Fazilah Idris

BA Linguistics (Iowa, USA), MA TESL (Northern Iowa, USA), Ph.D (UPM)

Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron

Dip. Peng. Islam (KUSZA), SmPI(Kep.) (UKMalaysia), MCL (UIA), Ph.D (Jordan)

Prof. Madya Mohd Al Adib Samuri

SmU(Kep)(UKMalaysia), SUU(UKMalaysia), Ph.D (UKMalaysia)

Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim

B.A. (Hons) (al-Azhar), S.P.I. (UKMalaysia), Dr. Fal. (UKMalaysia)

Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah

BBA(UUM), MBA(UKM), Ph.D(Essex Univ.)

Prof. Madya Dr. Ermy Azziaty Rozali

Sm.P.I. (Kep.), S.P.I. (UKMalaysia), Dok. Fal. (Malaya)

Prof. Madya Dr. Salmy Edawaty Yaacob

Sm.Sy, M.Sh. (Malaya), Dr. Fal. (UKMalaysia)

Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail

Sm.P.I. (Kep), S.P.I. (UKMalaysia), Ph.D (USM)

Prof. Madya Dr. Jaffary Awang

Sm.P.I. (Kep.)(UKMalaysia), M.A. Ph.D (Birmingham)

Prof. Madya Dr. Mazlan Ibrahim

B.A. (Hons.)(al-Azhar), S.P.I. (UKMalaysia), Ph.D (Malaya)

Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar Nayan

BEng. (Univ. of Tokyo), MEng. DPhil. of Eng. (Gifu)

Prof. Madya Dr. Norhayati Ibrahim

BA(Psych)(UKMalaysia), MA(Counseling Psychology)(UKMalaysia)

Prof. Madya Dr. Muhammad Hakimi Mohd Shafai

BASyariah, MASyariah(UM), Ph.D(Kyoto Jepun)

Prof. Madya Dr. Ahmad Yunus Mohd Noor

B.A (Kep) UIAM, M.A. (UIAM,), Ph.D (Durham)

Pensyarah Kanan**Dr. Norshariani Binti Abd Rahman**

BSc. (UKMalaysia), M.ED (UKMalaysia), PhD (UKMalaysia)

Dr. Muhammad Hilmi bin Jalil

Sm.PI (UKMalaysia), Ph.D (UMalaya)

Dr. Shamsul Azhar bin Yahya

BA (Al Azhar) M.A (Malaya) PhD (Malaya)

Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta

B.LA(Hons) (UIAM), MSc. BE (UIAM), Ph.D (PHI) (UIAM) , P.Tech (MBOT)

Nurul Hafizah Mohd Nor

BBiomedSc (Hons) (UIAM), MPharmSci (UIAM), Ph.D (Tissue Engineering) (USM)

Dr. Syaidatun Nazirah Abu Zahrin

BHSc. (Hons), MEd (UIAM), Ph.D Psikologi (UKMalaysia)

Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah

B.A Syariah (Hons.) Yarmouk, S.P.I. (UKMalaysia), Ph.D. (Malaya)

Dr. Wan Zulkifli Wan Hassan

BA (Al-Azhar, Egypt), Dip. Ijazah Lanjutan (Zamalek, Giza, Egypt), MA, Ph.D (Malaya)

Dr. Nasruddin Yunos

BA (Hons) (Madinah, Arab Saudi), MA (Malaya), Ph.D (Wales, UK)

Dr. Jamsari Alias

BHSc. (Hons) Psychology (UIAM), DiMM (Sunderland, UK), M.A. (UKMalaysia), Ph.D (Aston,UK)

Dr. Shifa Mohd Nor

BBA(UIAM), MA(Loughborough Univ.), Ph.D(Durham, Univ. UK)

Dr. Ahmad Irdha Mokhtar

B.A. (Hons.) (Ibnu Tofail, Maghribi), M.A, Ph.D (Hassan II Bimsik, Maghribi)

Dr. Mohd Hafiz Safiai

B.F.F. (Hons) (USIM), S.K.A.B. Sains & Teknologi (UKMalaysia),
Dok. Fal. (UKMalaysia)

Dr. Zaleha Yazid

BSc.(UKM), MSc(UiTM), Ph.D (Univ. of Strathclyde, UK)

Pensyarah**Cik Zubaidah Mohd Nasir**

BSc. (Hons) (UiTM) & MSc. (UKM)

En Mohammad Ikhwan Ismail

Sm.PI (UKMalaysia), S.P.I. (UKMalaysia)

PENGURUSAN INSTITUT ISLAM HADHARI



**YBRS. PROF. MADYA DR.
MOHD AL ADIB SAMURI**
Timbalan Pengarah

1



**YBHG. PROF. DR. FARIZA MD
SHAM**
Pengarah

2



**DR. NORSHARIANI ABD
RAHMAN**
Ketua Jaminan Kualiti

3



DR. MUHAMMAD HILMI JALIL
Penyelaras Pengajian
Siswazah

4



**DR. NURUL HAFIZAH
MOHD NOR**
Pengurus Kursi SAF

5



**PUAN NOOR HAYATI AHMAD
RASOL**
Ketua Pentadbiran

6



**ENCIK WAN MUHAMMAD
HAZIN WAN MUSTAPHA**
Pegawai Risiko

7

SARJANA PERADABAN ISLAM

SARJANA PERADABAN ISLAM

Kelayakan & Syarat Kemasukan

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dalam bidang yang berkaitan dengan program yang dipohon dengan mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.00 atau kelulusan yang setaraf dengannya;

atau

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, dalam bidang yang berkaitan dengan memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 2.75 dan mempunyai sekurang-kurangnya setahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan;

atau

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, dalam bidang yang berkaitan dengan memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 2.50 dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman berkerja dalam bidang berkaitan.

Syarat dan Keperluan Bahasa Inggeris Bagi Pelajar Luar Negara:

Pelajar luar negara hendaklah memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris dengan mendapat keputusan skor minimum 42-45 bagi TOEFL IBT atau 5 bagi IELTS.

Pelajar luar negara yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris boleh diberikan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

1. Kursus Persediaan Bahasa Inggeris (*Progressive English Program*) di UKM tanpa had tempoh masa, namun pelajar masih tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia yang sedang berkuat kuasa;
2. pelajar luar negara yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris (*Progressive English Program*) perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada *The Common European Framework of Reference (CEFR)* bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris.

Pengecualian syarat dan keperluan Bahasa Inggeris boleh diberikan kepada pelajar luar negara seperti berikut:

1. pelajar luar negara yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi; **atau**

2. pelajar luar negara yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di UKM.

Tempoh Pengajian

PROGRAM	SEMESTER	
	SEPENUH MASA	SEPARUH MASA
Sarjana Peradaban Islam	4 - 6 semester	6 - 8 semester

Struktur Program

Semua pelajar dikehendaki mendaftar dan lulus enam (6) jam kredit kursus. Pelajar juga dikehendaki mendaftar tesis pada **SETIAP** semester dan hasil penyelidikan ditulis sebagai sebuah tesis. Keperluan enam (6) jam kredit kursus ini adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah.

KURSUS	KOD KURSUS	JUMLAH KREDIT
Kaedah Penyelidikan	RHRH8024	4
Peradaban Islam	RHRH6012	2
JUMLAH		6

Objektif Pendidikan Program (OPP)

- OPP1 : Graduan menguasai pengetahuan dan kemahiran berfikir dalam menjalankan penyelidikan bagi membina pemahaman dan hasil yang berimpak.
- OPP2 : Graduan berkomunikasi secara berkesan dan profesional melalui kerja penyelidikan, persidangan dan penerbitan.
- OPP3 : Graduan menyusun atur tanggungjawab secara profesional dan beretika bagi memenuhi kehendak pelanggan, organisasi, negara dan agama.
- OPP4 : Graduan prihatin terhadap pembangunan masyarakat dan perkembangan ilmu dalam bidang Peradaban Islam.

Hasil Pembelajaran Program (HPP)

- HPP1 : Menguasai salah satu daripada empat bidang tujahan IIH iaitu i) Politik dan kepimpinan ii) Sosio-Budaya iii) Ekonomi dan Perniagaan iv) Sains & Teknologi dan Alam Sekitar & Kesihatan melalui penyelidikan.
- HPP2 : Mengaplikasi kemahiran kaedah penyelidikan berkaitan bidang penyelidikan.
- HPP3 : Menghubung kait hasil penyelidikan dengan isu Peradaban Islam dalam masyarakat.

- HPP4 : Menjalankan penyelidikan sendiri, beretika dan bertanggungjawab.
- HPP5 : Memimpin penyelidikan dan berkomunikasi secara berkesan dengan penyelidik dan pihak berkepentingan.
- HPP6 : Menyelesaikan masalah dalam bidang Peradaban Islam menggunakan kemahiran kaedah penyelidikan dan pemikiran kritis.
- HPP7 : Mengurus maklumat penyelidikan dan meneruskan penerokaan ilmu melalui penyelidikan.

Syarat Pengijazahan

Setiap calon Sarjana Peradaban Islam perlu memenuhi keperluan berikut sepanjang pengajian sebelum layak dianugerahkan ijazah

1. Membentangkan cadangan / usul penyelidikan (Semester 1 atau ke-2).
2. Membentangkan hasil kajian sebelum menghantar Notis Penyerahan Tesis.
3. Membentang dua (2) kertas kerja dalam seminar yang dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, UKM atau luar UKM.
4. Menerbit sekurang-kurangnya satu (1) artikel daripada mana-mana kategori yang berikut:
 - a. Jurnal ERA/Scopus/WoS;
 - b. Jurnal Penerbit UKM dan Fakulti/Institut atau tersenarai dalam MyJurnal (Malaysian Journal Management System) dari MyCite;
 - c. Bab dalam Buku diterbitkan oleh penerbit tersenarai dalam Clarivate Analytic WoS atau Penerbit UKM atau MAPIM.
5. Memenuhi keperluan kursus dan jumlah kredit.
6. Pelajar luar negara perlu mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu. Pengecualian boleh diberikan kepada calon yang telah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu anjuran pihak lain yang setara yang diperakukan oleh Senat.

DOKTOR FALSAFAH

DOKTOR FALSAFAH

Kelayakan I Syarat Kemasukan

Ijazah Sarjana dalam bidang yang berkaitan dengan memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif minimum 3.00 dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh UKM;

atau

Ijazah Sarjana dalam bidang yang berkaitan dengan memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif minimum 2.75 dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh UKM dan mempunyai sekurang- kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja.

Syarat dan Keperluan Bahasa Inggeris Bagi Pelajar Luar Negara:

Pelajar luar negara hendaklah memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris dengan mendapat keputusan skor minimum 42 - 45 bagi TOEFL IBT atau 5 bagi IELTS.

Pelajar luar negara yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris boleh diberikan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

1. Kursus Persediaan Bahasa Inggeris (*Progressive English Program*) di UKM tanpa had tempoh masa, namun pelajar masih tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia yang sedang berkuat kuasa;
2. pelajar luar negara yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris (*Progressive English Program*) perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diijarkan kepada *The Common European Framework of Reference (CEFR)* bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris.

Pengecualian syarat dan keperluan Bahasa Inggeris boleh diberikan kepada pelajar luar negara seperti berikut:

1. pelajar luar negara yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi; **atau**
2. pelajar luar negara yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di UKM.

Tempoh Pengajian

PROGRAM	SEMESTER	
	SEPENUH MASA	SEPARUH MASA
Doktor Falsafah	6 - 12 semester	8 – 14 semester

Struktur Program

Semua pelajar dikehendaki mendaftar dan lulus lapan (8) jam kredit kursus. pelajar juga dikehendaki mendaftar tesis pada **SETIAP** semester dan hasil penyelidikan ditulis sebagai sebuah tesis. Keperluan lapan (8) jam kredit kursus ini adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah.

KURSUS	KOD KURSUS	JUMLAH KREDIT
Kaedah Penyelidikan	RHRH8024	4
Peradaban Islam	RHRH6012	2
Kursus dari mana-mana Fakulti/Institut yang sesuai		2
JUMLAH		8

Objektif Pendidikan Program (OPP)

- OPP1 : Graduan berpengetahuan dan berkemahiran untuk berfikir dalam menjalankan penyelidikan bagi membina pemahaman dan hasil yang berimpak tinggi.
- OPP2 : Graduan berkomunikasi secara interpersonal, berkesan dan profesional dengan semua lapisan masyarakat melalui kerja penyelidikan, persidangan dan penerbitan.
- OPP3 : Graduan melaksanakan tanggungjawab secara profesional dan beretika bagi memenuhi kehendak pelanggan, organisasi, negara dan agama
- OPP4 : Graduan melibatkan diri secara bersama dalam pembangunan masyarakat, perkembangan ilmu serta Peradaban Islam.

Hasil Pembelajaran Program (HPP)

- HPP1 : Mensintesis salah satu daripada empat bidang tujahan IIH iaitu i) Politik dan kepimpinan ii) Sosio-Budaya iii) Ekonomi dan Perniagaan iv) Sains & Teknologi dan Alam Sekitar & Kesihatan dengan menghasilkan penemuan penyelidikan asli yang meluaskan sempadan ilmu dalam bidang Peradaban Islam.
- HPP2 : Mengadaptasi kemahiran kaedah penyelidikan yang sistematik dalam menghasilkan idea inovatif dalam bidang Peradaban Islam.
- HPP3 : Membina kemahiran interpersonal dan kepakaran berhubung isu masyarakat dalam bidang Peradaban Islam.
- HPP4 : Mengaplikasi amalan etika dan professional dalam menjalankan penyelidikan.
- HPP5 : Mempamerkan kepimpinan penyelidikan melalui komunikasi dan kerjasama berkumpul dalam kalangan penyelidik dan pihak berkepentingan.

- HPP6 : Menangani isu bidang Peradaban Islam secara praktikal menggunakan kaedah penyelidikan dan kemahiran digital.
- HPP7 : Menyepadu maklumat penyelidikan untuk menghasilkan penemuan baru dalam bidang penyelidikan Peradaban Islam.

Syarat Pengijazahan

Setiap calon Doktor Falsafah perlu memenuhi keperluan berikut sepanjang pengajian sebelum layak dianugerahkan ijazah

1. Membentangkan cadangan / usul penyelidikan (Semester 1 atau ke-2).
2. Membentangkan hasil kajian sebelum menghantar Notis Penyerahan Tesis.
3. Membentang tiga (3) kertas kerja dalam seminar yang dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, UKM atau luar UKM.
4. Memenuhi Syarat Penulisan Makalah seperti berikut:
 - a. Dua (2) artikel dalam jurnal berindeks Scopus/WoS; **atau**
 - b. Sekurang-kurangnya satu (1) Jurnal Scopus/WoS; **dan**
 - c. Satu (1) artikel dari kategori berikut:
 - Jurnal Penerbit UKM dan Fakulti / Institut;
 - Bab dalam Buku diterbitkan oleh penerbit tersenarai dalam Clarivate Analytics WoS atau Penerbit UKM atau MAPIM.
5. Memenuhi keperluan kursus dan jumlah kredit.
6. Pelajar luar negara perlu mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu. Pengecualian boleh diberikan kepada calon yang telah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu anjuran pihak lain yang setara yang diperakukan oleh Senat.

ZAMALAH

UKM turut menawarkan penajaan yuran pengajian yang terhad kepada pelajar yang layak. Permohonan boleh dibuat terus kepada Pusat Pengurusan Akademik apabila diiklankan.

ETIKA PENYELIDIKAN

Semua tesis yang dihantar perlu tidak melebihi 30% kadar persamaan mengikut perisian pengesanan plagiat (Turnitin).

PERATURAN UKM PENGAJIAN SISWAZAH 2021

Peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pengajian siswazah, tesis, pendaftaran, rayuan, salah laku penyelidikan dan pengurniaan ijazah boleh dirujuk di <https://www.ukm.my/kita/wp-content/uploads/Buku-Peraturan-Pengajian-Siswazah-2021.pdf>

SINOPSIS KURSUS

RHRH 6012 Peradaban Islam

Kursus ini membincangkan tentang konsep Peradaban Islam. Fokus kursus ini meliputi empat bidang utama yang ditawarkan di Institut Islam Hadhari (IIH) iaitu: (a) politik dan kepimpinan; (b) sosiobudaya; (c) pengurusan, ekonomi & perniagaan; (d) sains & teknologi, kesihatan & alam sekitar. Secara khususnya, kursus ini mengintegrasikan Peradaban Islam dengan isu-isu kontemporari dalam konteks perbincangan multidisiplin. Kursus ini merangkumi penghujahan tentang urus tadbir yang baik, pembangunan insan, perubahan sosio-budaya masyarakat Islam, pendidikan Islam, sains tauhidik, biotek dan industri halal, kewangan dan perbankan Islam.

Hasil Pembelajaran Kursus

Di akhir kursus ini pelajar berupaya untuk:

- HPK1 : Menilai sejarah dan konsep peradaban Islam berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.
- HPK2 : Mengintegrasikan peradaban Islam dengan pelbagai disiplin ilmu.
- HPK3 : Menghubungkan isu-isu kontemporari dari perspektif peradaban Islam.

Bacaan Asas

- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2020. Kepelbagaian dan kesatuan dalam konteks fiqh al-ta'ayush di Malaysia menurut perspektif pemikiran Islam. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 22(1), 73–102
- Khaidzir Ismail, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Jamsari Alias. 2019. *Islam dan Psikologi dari Perspektif Kemanusiaan*. Bangi: UKM
- Mazlan Ibrahim, Fariza Md Sham & Aguswan Rasyid. 2021. *Tingkah Laku Manusia dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka

- Muhammad Hifdi Islam. 2019. Islam and civilization: Analysis study on the history of civilization in Islam. *Jurnal Studi Keislaman* 5(1), 22-39
- Said S. & Hanapi M.S. 2022. Epistemologi Sains Halal: Kajian Ayat-Ayat Al-Quran Terpilih. *Sains Humanika* 14(1), 10–19.
- Zaini Ujang, Zulkifli Mohd Yusoff. 2021. *40 Hadis Pelestarian Alam Sekitar* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur. ITBM

RHRH 8012 Peradaban Islam

Kursus ini membincangkan tentang konsep Peradaban Islam. Fokus kursus ini meliputi empat bidang utama yang ditawarkan di Institut Islam Hadhari (IIH) iaitu: (a) politik dan kepimpinan; (b) sosiobudaya; (c) ekonomi & muamalat; (d) sains & teknologi, kesihatan & alam sekitar. Secara khususnya, kursus ini mengintegrasikan Peradaban Islam dengan isu-isu kontemporari dalam konteks perbincangan multidisiplin. Kursus ini merangkumi penghujahan tentang urus tadbir yang baik, pembangunan insan, perubahan sosio-budaya masyarakat Islam, pendidikan Islam, sains tauhidik, biotek dan industri halal, kewangan dan perbankan Islam.

Hasil Pembelajaran Kursus

Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:

- HPK1 : Berhujah tentang konsep peradaban Islam berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.
- HPK2 : Mensintesis ilmu Peradaban Islam dengan pelbagai disiplin ilmu lain.
- HPK3 : Mengadaptasi perspektif Peradaban Islam dalam isu-isu kontemporari.

Bacaan Asas

- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2020. Kepelbagaian dan kesatuan dalam konteks fiqh al-ta'ayush di Malaysia menurut perspektif pemikiran Islam. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 22(1), 73–102
- Khaidzir Ismail, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Jamsari Alias. 2019. *Islam dan Psikologi dari Perspektif Kemanusiaan*. Bangi: UKM
- Mazlan Ibrahim, Fariza Md Sham & Aguswan Rasyid. 2021. *Tingkah Laku Manusia dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka
- Muhammad Hifdi Islam. 2019. Islam and civilization: Analysis study on the history of civilization in Islam. *Jurnal Studi Keislaman* 5(1), 22-39
- Said S. & Hanapi M.S. 2022. Epistemologi Sains Halal: Kajian Ayat-Ayat Al-Quran Terpilih. *Sains Humanika* 14(1), 10–19.
- Zaini Ujang, Zulkifli Mohd Yusoff. 2021. *40 Hadis Pelestarian Alam Sekitar* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur. ITBM

RHRH8024 Metodologi Penyelidikan

Kursus ini bertujuan menerangkan konsep dan kaedah menjalankan penyelidikan multidisiplin dalam bidang peradaban Islam, bermula dengan menulis cadangan penyelidikan sehinggalah kepada menjalankan penyelidikan dan menulis manuskrip hasil penyelidikan. Kursus ini memberi tumpuan kepada konsep dan etika penyelidikan, pengenalan kepada kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif,

penyataan masalah, persoalan kajian, hipotesis, objektif, tinjauan literatur, kerangka teoretikal dan kerangka konseptual, populasi dan pensampelan, pengumpulan data, penganalisan data, teknik persembahan hasil penyelidikan secara lisan dan bertulis seperti penulisan rujukan dalam teks, senarai rujukan, transliterasi dan abstrak mengikut Panduan Gaya UKM. Kursus ini akan menyentuh aspek bentuk-bentuk penulisan yang terhasil dari aktiviti penyelidikan seperti penulisan artikel jurnal, penulisan makalah seminar, penulisan prosiding, sehinggalah kepada penulisan buku. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan berupaya untuk menulis cadangan penyelidikan, menjalankan penyelidikan secara ilmiah dan menghasilkan sebuah manuskrip ilmiah yang ditulis secara sistematik.

Hasil Pembelajaran Kursus

Di akhir kursus ini pelajar berupaya untuk:

- HPK1 : Menghuraikan falsafah dan amalan penyelidikan multi disiplin terhadap bidang peradaban Islam.
- HPK2 : Menyampaikan hasil penyelidikan melalui pembentangan dan penerbitan.
- HPK3 : Menjelaskan peranan penyelidik dan kepentingan penyelidikan.
- HPK4 : Menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan dan menganalisis data yang pelbagai.
- HPK 5 : Menyediakan cadangan penyelidikan yang sesuai dengan jenis kajian.

Bacaan Asas

- Abu Zayd, Habibat. 2021. *Manahij al-Bahth wa Qawa'id al-Ta'lif fi al-Dirasat al-Islamiyyat*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- M. R. Islam, Niaz A. Khan, Siti H.A.B. Ah, Haris A. Wahab, Mashitah B. Hamidi. 2021. *Field Guide for Research in Community Settings: Tools, Methods, Challenges and Strategies*. Cheltenham: Edward Elgar Publishing Ltd.
- M. Rezaul Islam. 2019. *Social Research Methodology and New Techniques in Analysis, Interpretation, and Writing*. Pennsylvania: IGI Global
- Rajat Acharyya, Nandan Bhattacharya. 2020. *Research Methodology for Social Sciences*. New York: Routledge.
- al-Titi, Mahmud Ahmad Abu Samrah, Muhammad Abd al-'ilah. 2020. *Manahij al-Bahth al-Ilmiyy min al-Tabyin 'Ila al-Tamkin*. 'Amman: Dar al-Yazuri li al-Ilmiyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'
- Uwe Flick. 2020. *Introducing Research Methodology: Thinking Your Way Through Your Research Project*. California: SAGE Publications.

**AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU PANDUAN SISWAZAH
2021/2022
INSTITUT ISLAM HADHARI**

Penasihat

Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham
Pengarah

Editor

Prof. Madya Dr. Mohd Al Adib Samuri
Timbalan Pengarah

Dr. Norshariani Abd Rahman
Ketua Jaminan Kualiti

Dr. Muhammad Hilmi Jalil
Penyelaras RHRH 8024

Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta
Penyelaras RHRH 6012

Noor Hayati Ahmad Rasol
Ketua Pentadbiran

Pembantu Penerbitan

Puan Fatin Hanani Badrul Zaman
Encik Mohd Nor Adzhar Adnan

Fotografi

Encik Wan Muhammad Hazim Wan Mustapha